

**KETUA EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH,
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI,
BAHAGIAN DUTI SETEM, JABATAN TEKNIKAL,
TINGKAT 11(KANAN), BLOK 9 ,
KOMPLEKS KERAJAAN JALAN DUTA
50600 KUALA LUMPUR.
MALAYSIA.**

No. Ruj: LHDN. 01/34/42/68-100-032(T)

**GARISPANDUAN MENGENAI DUTI SETEM KE ATAS SURATCARA
PINDAHMILIK SYER BAGI SYER YANG TIDAK TERSENARAI DI
BURSA SAHAM KUALA LUMPUR.**

1. Pengenalan

Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan keseragaman amalan oleh semua Unit Setem berhubung dengan cara menilai syer biasa (ordinary share) dalam syarikat yang tidak tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Kaedah-kaedah seperti yang ditetapkan di bawah ini hendaklah diikuti.

2. Perundangan

2.1. Suratcara pindahmilik saham, syer atau sekuriti yang dipasarkan adalah dikenakan duti di bawah butiran 32(b) Jadual Pertama Akta Setem 1949 seperti berikut :

“On sale of any stock, shares or marketable securities, to be computed on the **price** or **value** thereof on the date of transfer, whichever is the greater –

For every RM1,000 or fractional part of RM1,000 RM3.00*

*Kadar ini berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari 2001.

2.2. Bagi syer-syer yang tidak tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur, asas untuk menentukan nilai syer adalah ditetapkan di perenggan 3.

3. Kaedah-Kaedah

3.1. Bagi kes jualan syer yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (“SC”), harga/nilai sesyer seperti yang diluluskan oleh SC bolehlah diterima bagi tujuan penilaian syer tersebut. Sesalinan surat kelulusan SC hendaklah disertakan sebagai bukti.

- 3.2. Bagi kes syarikat yang mengalami **kerugian**, Nilai Par atau Aset Ketara Bersih (“NTA”) atau balasan syer yang mana lebih tinggi digunakan bagi tujuan pengiraan duti. Formula untuk pengiraan atas asas NTA adalah seperti berikut :

$$\text{Aset Ketara Bersih Sesyer} = \frac{\text{Dana Pemegang Syer}^*}{\text{Modal syer diterbitkan}}$$

$$^*\text{Dana Pemegang Syer} = \text{Jumlah Aset} - \text{Jumlah liabiliti}$$

Sila lihat **Contoh I** di **Lampiran 1**

- 3.3. Bagi kes-kes selain daripada kes di bawah perenggan 3.1 dan 3.2, perbandingan dibuat di antara Aset Ketara Bersih (“NTA”), Nisbah Harga Perolehan [“Price Earning Multiple/Price Earning Ratio” (PER)] dan Balasan yang mana lebih tinggi. Bagi tujuan pengiraan atas asas “PER”, “PER” minimum seperti yang dipetik daripada “Guidelines For The New Issue of Securities and The Valuation of Public Listed Companies” yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC), Kementerian Kewangan bagi sektor-sektor yang tertentu boleh diterima pakai iaitu:-

Sektor	Nisbah Harga Perolehan (“PER”)
Hartanah	3.5
Perkhidmatan	4.0
Perniagaan	4.0
Pengangkutan	4.0
Pembinaan	4.5
Pelancongan	4.5
Insurans	5.0
Pengusahaan kilang	5.0
Pertanian	5.0
Perjudian	6.0
Syarikat kewangan	6.0
Syarikat broker saham	6.0
Peladangan	7.5
Kemudahan awam	8.0
Bank	8.5

Formula untuk pengiraan atas asas “PER” adalah seperti berikut :

$$\text{Nilai Sesyer} = \frac{\text{Keuntungan selepas cukai}}{\text{Modal syer diterbitkan}} \times \text{PER}$$

Sila lihat **Contoh II dan III** di **Lampiran 2 dan 3**.

4. Sesalinan borang PDS 6 (Pind. 01) seperti di Lampiran 4 hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan oleh pihak penerima pindahmilik.
5. Garispanduan ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan.
6. Lembaga Hasil Dalam Negeri berhak menarik balik atau mengubahsuai garispanduan ini sekiranya difikir perlu.

Bahagian Duti Setem,
Jabatan Teknikal.

s.k. Fail. LHDN. 01/35(S)/42/68 Klt. 3

Contoh I

XYZ Sdn. Bhd. (sebuah syarikat pelaburan hartanah), mempunyai modal syer diterbitkan **RM200,000**. Sebanyak **150,000** syer dijual pada 1.3.2001 dengan balasan **RM75,000**. Maklumat mengikut akaun beraudit bagi tahun berakhir 31.12.2000 (Lampiran 1A dan 1B) adalah seperti berikut :

Kerugian dalam tahun	(RM 2,275)
Modal syer diterbitkan	RM200,000
Dana Pemegang Syer	RM181,950

(A) Nilai Par syer yang dipindahmilik **RM150,000**

(B) Aset Ketara Bersih (“NTA”)

$$\begin{aligned} \text{Nilai sesyer} &= \frac{\text{Dana Pemegang Syer}}{\text{Modal syer diterbitkan}} \\ &= \frac{\text{RM181,950}}{\text{RM200,000}} \\ &= \text{RM0.91} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai syer yang dipindahmilik} &= \text{RM0.91} \times 150,000 \\ &= \text{RM136,500} \end{aligned}$$

(C) Balasan **RM75,000**

Berdasarkan kepada Nilai Par, “NTA” dan harga balasan, nilai syer mengikut Nilai Par adalah lebih tinggi. Oleh itu, duti hendaklah dikira berdasarkan kepada nilai par iaitu **RM150,000**.

$$\begin{aligned} \text{Duti setem yang kena dibayar} &= \frac{\text{RM150,000}}{\text{RM1,000}} \times \text{RM3.00} \\ &= \text{RM450.00} \end{aligned}$$

LAMPIRAN 1A

XYZ SDN. BHD.
(Incorporated in Malaysia)
BALANCE SHEET AS AT 31.12.2000

	RM
FIXED ASSET	133,900.00
<u>CURRENT ASSET</u>	
Non-trade debtors	-
Amount due from directors	45,000.00
Cash in hand & at bank	<u>3,050.00</u>
	<u>48,050.00</u>
LESS :	
<u>CURRENT LIABILITIES</u>	
Amount due to a director	300.00
Non-trade creditors & accruals	3,500.00
Provision for taxation	-
	<u>3,800.00</u>
NET CURRENT ASSETS	44,250.00
<u>EXPENDITURE CARRIED FORWARD,</u>	
at cost	
Preliminary expenses	3,500.00
Pre-operating expenses	<u>300.00</u>
	<u>3,800.00</u>
	181,950.00
Representing,	
<u>SHARE CAPITAL</u>	
Authorised : 300,000 shares of RM1.00 each	300,00.00
Issued & paid up : 200,000 of RM1.00 each	200,000.00
ACCUMULATED LOSS	<u>(18,050.00)</u>
	<u>181,950.00</u>

LAMPIRAN 1B

XYZ SDN. BHD.

(Incorporated in Malaysia)

**PROFIT AND LOSS ACCOUNT
FOR THE YEAR ENDED 31.12.2000**

	RM
INCOME	3,000.00
<u>LESS : EXPENDITURE INCURRED</u>	
Accountancy & secretarial fees	1,500.00
Audit fee	1,000.00
Bank charges	100.00
Filing & declaration	150.00
Postages, printing & stationery	200.00
Service tax	25.00
Telephone charges	300.00
Bad debts written off	<u>2,000.00</u>
	<u>5,275.00</u>
Net loss for the year	(2,275.00)
<u>LESS : TAXATION</u>	<u>-</u>
Loss after taxation and before extraordinary item	(2,275.00)
<u>LESS : EXTRAORDINARY ITEM, net of tax 5</u>	<u>-</u>
Loss after taxation & extraordinary item	(2,275.00)
Accumulated loss brought forward	<u>(15,775.00)</u>
Accumulated loss carried forward	<u>(18,050.00)</u>

Contoh II

ABC Sdn. Bhd. (sebuah syarikat pemaju perumahan), mempunyai modal syer diterbitkan sebanyak **RM250,000**. **Kesemua** syer tersebut dijual pada 1.2.2001 dengan balasan **RM500,000**. Maklumat mengikut akaun beraudit bagi tahun berakhir 30.9.2000 (Lampiran 2A dan 2B) adalah seperti berikut :

Keuntungan selepas cukai	RM200,000
Modal syer diterbitkan	RM250,000
Dana Pemegang Syer	RM925,000

(A) Aset Ketara Bersih (“NTA”)

$$\begin{aligned} \text{Nilai sesyer} &= \frac{\text{Dana Pemegang Syer}}{\text{Modal syer diterbitkan}} \\ &= \frac{\text{RM925,000}}{\text{RM250,000}} \\ &= \text{RM3.70} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai syer yang dipindahmilik} &= \text{RM3.70} \times 250,000 \\ &= \text{RM925,000} \end{aligned}$$

(B) Nisbah Harga Perolehan (“PER”)

$$\begin{aligned} \text{Nilai sesyer} &= \frac{\text{Keuntungan selepas cukai}}{\text{Modal syer diterbitkan}} \times \text{PER} \\ &= \frac{\text{RM200,000}}{\text{RM250,000}} \times 3.5 \\ &= \text{RM2.80} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai syer yang dipindahmilik} &= \text{RM2.80} \times 250,000 \\ &= \text{RM700,000} \end{aligned}$$

(C) Balasan RM500,000

Berdasarkan kepada “NTA”, “PER” dan harga balasan, nilai syer mengikut “NTA” adalah lebih tinggi. Oleh itu, duti hendaklah dikira berdasarkan kepada nilai “NTA” iaitu **RM925,000**.

$$\begin{aligned} \text{Duti setem yang kena dibayar} &= \frac{\text{RM925,000}}{\text{RM1,000}} \times \text{RM3.00} \\ &= \text{RM2,775.00} \end{aligned}$$

LAMPIRAN 2A

ABC SDN. BHD.

Balance Sheet as at 30.9.2000

RM

Current Assets	
Development work-in-progress	100,000.00
Trade debtors	700,000.00
Cash and bank balances	<u>1,400,000.00</u>
	<u>2,200,000.00</u>
Less : Current liabilities	
Trade creditors	280,000.00
Other creditors, accruals and provision	700,000.00
Provision for taxation	<u>300,000.00</u>
	<u>1,280,000.00</u>
Net current assets	920,000.00
Fixed assets	<u>5,000.00</u>
	<u>925,000.00</u>
Financed by :	
Share capital	250,000.00
Unappropriated Profit	<u>675,000.00</u>
	<u>925,000.00</u>

LAMPIRAN 2B

ABC SDN. BHD.

**Profit and Loss Account
for the year ended 30.9.2000**

RM

Turnover	1,500,000.00
Profit before Taxation	300,000.00

After charging :	
Auditors' remuneration	5,000.00
Depreciation	1,500.00
And crediting :	
Interest received	75,000.00

Taxation	<u>100,000.00</u>
Profit after Taxation	200,000.00
Accumulated profit brought forward	<u>475,000.00</u>
Unappropriated profit carried forward	<u>675,000.00</u>

Contoh III

PQR Sdn. Bhd. (sebuah syarikat yang memberi perkhidmatan kesetiausahaan), mempunyai modal syer diterbitkan sebanyak **RM500,000**. Sebanyak **200,000 syer** dijual pada 1.4.2001 dengan balasan **RM200,000**. Maklumat mengikut akaun beraudit bagi tahun berakhir 31.12.2000 (Lampiran 3A dan 3B) adalah seperti berikut :

Keuntungan selepas cukai	RM2,250,000
Modal syer diterbitkan	RM 500,000
Dana Pemegang Syer	RM2,725,000

(A) Aset Ketara Bersih (“NTA”)

$$\begin{aligned} \text{Nilai sesyer} &= \frac{\text{Dana Pemegang Syer}}{\text{Modal syer diterbitkan}} \\ &= \frac{\text{RM2,725,000}}{\text{RM 500,000}} \\ &= \text{RM5.45} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai syer yang dipindahmilik} &= \text{RM5.45} \times 200,000 \\ &= \text{RM1,090,000} \end{aligned}$$

(B) Nisbah Harga Perolehan (“PER”)

$$\begin{aligned} \text{Nilai sesyer} &= \frac{\text{Keuntungan selepas cukai} \times \text{PER}}{\text{Modal syer diterbitkan}} \\ &= \frac{\text{RM2,250,000}}{\text{RM 500,000}} \times 4.0 \\ &= \text{RM18.00} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Nilai syer yang dipindahmilik} &= \text{RM18.00} \times 200,000 \\ &= \text{RM3,600,000} \end{aligned}$$

(C) Balasan RM200,000

Berdasarkan kepada “NTA”, “PER” dan harga balasan, nilai syer mengikut “PER” adalah lebih tinggi. Oleh itu, duti hendaklah dikira berdasarkan kepada nilai “PER” iaitu **RM3,600,000**.

$$\begin{aligned} \text{Duti setem yang kena dibayar} &= \frac{\text{RM3,600,000}}{\text{RM3.00}} \times \\ &\quad \text{RM1,000} \\ &= \text{RM10,800.00} \end{aligned}$$

LAMPIRAN 3A

PQR SDN. BHD.

Balance Sheet as at 31.12.2000

RM

CURRENT ASSETS

Other Debtors	3,500,000.00
Cash and bank balances	<u>75,000.00</u>
	<u>3,575,000.00</u>

CURRENT LIABILITIES

Other creditors and accruals	1,400,000.00
Provision for taxation	<u>5,000.00</u>
	<u>1,405,000.00</u>

NET CURRENT ASSETS	2,170,000.00
INVESTMENT IN ASSOCIATED COMPANIES	<u>555,000.00</u>
	<u>2,725,000.00</u>

FINANCED BY :

SHARE CAPITAL	500,000.00
UNAPPROPRIATED PROFIT	<u>2,225,000.00</u>
	<u>2,725,000.00</u>

LAMPIRAN 3B

PQR SDN. BHD.

**Profit and Loss Account
for the year ended 31.12.2000**

	RM
Operating Revenue	3,500,000.00
Operating Costs	<u>(50,000.00)</u>
Profit/(Loss) before taxation	3,450,000.00
Taxation	<u>(1,200,000.00)</u>
Profit/(Loss) after taxation	<u>2,250,000.00</u>
Accumulated loss brought forward	<u>(25,000.00)</u>
Unappropriated profit	<u><u>2,225,000.00</u></u>

Permohonan untuk menyetemkan suratcara pindahmilik syer bagi syer yang tidak tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur

Bahagian I : (Untuk diisi oleh penerima pindahmilik)

1. Penerima pindahmilik
Nama penuhnya :
No. Kad Pengenalan/ :
No.Pendaftaran Syarikat :
2. Pemberi pindahmilik
Nama penuhnya :
No. Kad Pengenalan/ :
No.Pendaftaran Syarikat :
3. Balasan : RM
4. Tarikh suratcara disempurnakan :
5. Bilangan syer-syer/unit saham dan % yang dipindahmilikkan :
6. Nama syarikat bagi syer yang dipindahmilikkan :
7. Tertakluk/tidak tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti
.....
Sesalinan surat kelulusan yang berkenaan hendaklah disertakan. (sekiranya berkaitan).
8. Didahului/tidak didahului oleh surat perjanjian jualbeli :
Sesalinan surat perjanjian yang berkenaan hendaklah disertakan. (sekiranya berkaitan).

.....Tandatangan
.....Tarikh

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA
Duti yang ditaksirkan RM..... (Penaksir)
Bayaran tunai/cek, draf no. sebanyak RM..... diterima. (Kesyer)
Setem-setem bernilai RM..... dicopkan (Operator Mesin)

Bahagian II (Untuk diisi oleh Setiausaha Syarikat atau Pendaftar)

Saya (Nama dan No. Kad Pengenalan) sebagai Setiausaha/Pendaftar bagi
..... (Nama Syarikat) membuat perakuan seperti berikut:-

- (a) bahawa Syarikat ini ditubuhkan pada dan aktiviti utamanya ialah
- (b) bahawa keluaran modal yang terakhir telah dibuat oleh
..... (Nama Syarikat) pada (tarikh syer dikeluarkan).
- (c) bahawa modal berbayar seperti berikut telah dibuat dengan harga premium(1)...
- (d) bahawa pada (tarikh keluaran syer yang terakhir), modal berbayar syarikat terdiri daripada(2)...
- (e) bahawa syer-syer tersebut iaitu (bilangan dan kelas syer mengikut suratcara pindahmilik syer) yang dipindahmilikkan oleh (Nama Penjual dan No. Kad Pengenalan) kepada (Nama Pembeli dan No. Kad Pengenalan) adalah merupakan% daripada jumlah syer kelas berkenaan yang dikeluarkan.
- (f) bahawa Dana Pemegang Syer *Syarikat pada(3)... adalah RM
- * Dana Pemegang Syer = Jumlah aset – Jumlah liabiliti
- (g) bahawa keuntungan selepas cukai syarikat pada(3)... adalah RM

..... Tandatangan
..... Jawatan
..... Tarikh

Catatan :

- (1) Sekiranya keluaran syer telah dibuat dengan bayaran premium pada tarikh ia dikeluarkan, kelas-kelas syer yang dikeluarkan dan harga premium hendaklah dinyatakan.
- (2) Nyatakan kelas syer ("Founder/Director/Ordinary/Preference" dll), jumlah unit dalam kelas yang berkenaan dan nilai parnya.
- (3) Maklumat yang dikehendaki adalah berdasarkan kepada angka-angka dalam kunci kira-kira bagi tahun kewangan yang terakhir sebelum tarikh pemindahan syer. Sesalinan akaun beraudit yang berkenaan hendaklah disertakan.